

**KAEDAH SERTA PANDUAN PROSES
RAYUAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SESI JUN 2020**

RAYUAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN

- i. Surat rayuan keputusan peperiksaan perlu dialamatkan kepada

**Unit Penilaian dan Peperiksaan
Politeknik Ungku Omar
Jalan Raja Musa Mahadi
31400 Ipoh
Perak.
(u/p : Pegawai Peperiksaan)**
- ii. Di dalam surat rayuan BERTAJUK **RAYUAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN**, adalah perlu disertakan alasan-alasan yang munasabah serta bukti-bukti yang berkaitan.
- iii. Contoh rayuan keputusan peperiksaan;
 - Gagal diBerhentikan (GB)
- iv. Bagi pelajar **SEMESTER AKHIR SAHAJA**, borang temujanji kaunseling yang telah ditandatangani oleh kaunselor mesti dilampirkan bersama dengan surat rayuan. Pelajar dikehendaki menjalani sesi kaunseling yang telah ditetapkan oleh Kaunselor. Borang Temujanji Kaunseling boleh diperolehi di Unit Kaunseling di Kampus B.
- v. Dokumen-dokumen yang perlu dilampirkan:
 - **SEMUA** salinan slip keputusan (dari sesi mula pengajian sehingga sesi terkini)
 - Dokumen-dokumen bagi menyokong sebab-sebab rayuan (jika perlu). Contoh : sijil sakit / perakuan doktor perubatan, sijil kematian, laporan polis, kenyataan/surat dari penjaga, dan lain-lain.
 - Borang Temujanji Kaunseling (**Sem Akhir sahaja**)
 - Wang Pos RM 50 atas nama "**PENGARAH POLITEKNIK UNGKU OMAR**"
- vi. Tarikh akhir penghantaran surat rayuan serta dokumen-dokumen lampiran ke Unit Penilaian dan Peperiksaan adalah pada atau sebelum

12 MAC 2021

- vii. Pelajar perlu membuat satu salinan surat rayuan dan mendapatkan cop pengesahan penerimaan oleh Unit Penilaian dan Peperiksaan sebagai bukti penghantaran dan disimpan oleh pemohon.

Mana-mana permohonan yang diterima lewat daripada tarikh tersebut tidak akan diproses dan akan dianggap KEPUTUSAN ADALAH KEKAL dan TIDAK AKAN DIPAPARKAN pada Keputusan Rayuan.

Keputusan Rayuan pada Kod web. (Sila rujuk Unit Peperiksaan Jabatan untuk pertanyaan.)

RKA_AKUAN	Penerimaan permohonan rayuan keputusan bagi pelajar sem akhir
RKBA_AKUAN	Penerimaan permohonan rayuan keputusan bagi pelajar bukan sem akhir
SS_AKUAN	Penerimaan permohonan semak semula skrip jawapan peperiksaan akhir
GB_RGL	Keputusan rayuan adalah gagal dan kekal gb
GB_USEM	Keputusan rayuan adalah berjaya. Pelajar ditawarkan mengulang SEMUA kursus (termasuk status LULUS) sesi berkenaan. Sekiranya diterima, keputusan sesi semasa akan dimansuhkan. Jika tidak, keputusan GB akan kekal.
KB_RB / KS_RB	Keputusan rayuan adalah berjaya dan kod keputusan adalah KB atau KS
KB_RGL / KS_RGL	Keputusan rayuan adalah gagal dan kod keputusan kekal KB atau KS
LI_RB / LISA_RB	Keputusan rayuan adalah berjaya dan pelajar layak meneruskan latihan industri atau latihan industri semester akhir
TLI_RGL / TLISA_RGL	Keputusan rayuan adalah gagal dan tidak layak meneruskan latihan industri / latihan industri semester akhir
GBA_RGL	Keputusan rayuan lembaga adalah gagal dan kekal GB
LP_RB	Keputusan rayuan lembaga adalah berjaya dan LULUS PENUH
MKA_RB	Keputusan rayuan lembaga adalah berjaya dan MENGULANG KURSUS SEMESTER AKHIR
MP2_RB	Keputusan rayuan lembaga adalah berjaya dan MENGULANG PENILAIAN SEMESTER AKHIR TIDAK MASUK KELAS
MP2K_RB	Keputusan rayuan lembaga adalah berjaya dan MENGULANG PENILAIAN SEMESTER AKHIR MASUK KELAS (yuran penuh)
MKA_RGL / MP2_RGL / MP2K_RGL	Keputusan rayuan lembaga adalah gagal dan kod keputusan/web adalah kekal.
SSBT	Keputusan semak semula skrip jawapan adalah berjaya dan gred bertukar
SSG	Keputusan semak semula skrip jawapan adalah gagal dan gred kekal